

PELITA BRUNEI

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI
DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 15 BILANGAN 21 RABU 27 MEI, 1970 1390 ربيع الاول 21 رابو PERCHUMA

Pegawai2 kerajaan di-seru menjauhkan diri dari rasuah

PEKAN BANGAR, Temburong. — Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan, Pengiran Dato Paduka Momin bin Pengiran Haji Ismail telah menyeru seluruh pegawai2 dan kakitangan kerajaan supaya menjauhkan diri dari penyakit rasuah.

Untuk mengelakkan dari melakukan perbuatan yang keji itu, Pengiran Dato Paduka Momin menasihatkan kakitangan kerajaan supaya melengkapkan diri mereka dengan ajaran2 Islam yang di-turunkan melalui Nabi Besar Mohammad s.a.w.

"Hanya dengan ajaran2 suci ini sahaja yang boleh menjauhkan kita dari penyakit yang tidak diinginkan itu", ujar beliau.

Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan itu berucap demikian dalam upacara merasmikan pembukaan sambutan Maulid Nabi di Daerah Temburong yang berlangsung pada hari Sabtu lepas di-Pekan Bangar.

Beliau menumpukan kepada pegawai2 dan kakitangan kerajaan bagi membuat amalan2 yang baik untuk di-tauladani yang meliputi kepada perbuatan dan perkhapapan setiap ketika.

Peringatan ini di-tujukan beliau bukan hanya kepada pegawai2 dan kakitangan kerajaan tempatan, tetapi juga yang di-datangkan dari luar negeri dan


lebeh2 lagi mereka yang bertanggungjawab terus kepada orang awam dalam semua lapangan pembangunan dan perkembangan yang beraneka corak.

Di-samping itu, Pengiran Dato Paduka Momin juga menasihatkan raayat dan penduduk yang ikut berlandong di-negeri ini supaya menjauhkan diri dari amalan benchi-membenchi sama ada yang di-tujukan kepada orang2 persendirian, mahupun kepada alat2 negara.

Beliau juga menimbulkan adanya kalangan2 yang menchurahkan kebenchian dan rasa sakit hati terhadap sa-suatu ketika mereka berkumpul di-masjid2.

Masjid, kata-nya, ada-lah tempat beribadat dan bukan-lah tempat untuk menchurahkan kebenchian sa-umpama itu. Kerajaan tidak akan membiarkannya dan akan menjalakan tindakan2 yang wajar terhadap perbuatan2 yang menchabul kesucian tempat beribadat itu.

Beliau memberi amaran bahawa jika ada di-antara mereka yang tidak merasa sesuai tinggal di-negeri ini, maka kerajaan tidak menghalang bagi mereka untuk berhijrah ka-tempat2 yang mereka sukai.



D.Y.M.M. ketika turun dari kapal terbang dan di-ikuti oleh Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir.

D.Y.M.M. selamat pulang

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei telah selamat pulang ka-tanah ayer petang semalam sa-telah mengadakan lawatan ka-luar negeri.

Kapal terbang Tentera Udara Di-Raja British yang membawa baginda dari Singapura telah mendarat di-lapangan terbang Berakas pada jam 1.35 petang.

Baginda telah di-iringi oleh Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar, Y.A.M. Pengiran Sanggamara Di-Raja, Pengiran Anak Chuchu dan Pehin Setia Pahlawan Awang Haji Mohd. Taha bin Haji Bakir.

Duli Yang Maha Mulia telah berangkat ka-luar negeri pada 28 April untuk melawat negeri2 Jepun dan Australia.

Keberangkatan tiba Duli Yang Maha Mulia dan rombongan telah di-sambut oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan, Tuan Yang Terutama Pesuruh-Tinggi, Awang A. R. Adair, Yang Amat Mulia Cheteria2 dan Ketua2 Jabatan Kerajaan.

M.B. DI-HADIAHKAN TALI PINGGANG HITAM

BANDAR BRUNEI. — Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohd. Yusof telah di-hadiahkan Tali Pinggang Hitam Dan Ketiga (Third Dan) oleh Persatuan Tae Kwon-Do

dalam satu majlis penyampaian sijil2 kepada ahli2 persatuan itu yang berlangsung di-Dewan Pusat Belia malam Isnin lepas.

Dengan penerimaan tali pinggang hitam itu menjadikan Yang Amat Mulia sa-bagai Yang Di-Pertua Kehormat persatuan tersebut.


Dalam ucapan-nya sa-belum menyampaikan sijil2 itu, Yang Amat Mulia menyatakan bahawa mempelajari chara2 memper-tahankan diri seperti Tae Kwon-Do ada-lah satu pengetahuan yang amat di-hargai.

Beliau berharap semoga ahli2 persatuan itu akan menggunakan pengetahuan yang mereka peroleh itu bagi mempertahankan diri sahaja.

Dalam majlis itu ahli2 persatuan itu telah mengadakan pertunjukkan Tae Kwon-Do.

Lebeh dari 50 orang ahli persatuan Tae Kwon-Do dari Bandar Brunei dan Kuala Belait telah menerima sijil2 kenaikan pangkat di-majlis itu.

Gambar kiri menunjukkan Y.A.M. Pengiran Setia Negara ketika menerima tali pinggang hitam itu dari Ketua Jurulatih Persatuan Tae Kwon-Do, Awang Kim Chin Yong.



SELAYANG PANDANG MENGENAI ADAT ISTIADAT BRUNEI

OLEH:

Y.B. PEHIN ORANG KAYA RATNA DI-RAJA
DATO UTAMA AWANG HAJI MOHD. ZAIN BIN
HAJI SERUDIN

DALAM cheramah ini saya berpandu lebeh banyak kapada buku Adat Istiadat Di-Raja Brunei 1958, Journal Of The Malaysian Branch Royal Society, keluaran Disember, 1968, Asal Usul Adat Resam Melayu oleh H. M. Sidin dan nota2 Kursus Wazir2, Cheteria2 dan Manteri2 termasuk Manteri2 Pendalaman 1968.

Tajok:

Tajok yang di-berikan kapada saya berbunyi "Adat Istiadat Brunei", izinkan-lah saya mengubah-nya kapada "Selayang Pandang Mengenai Adat Istiadat Brunei", bagi meringankan diri saya sendiri dalam menyediakan bahan2-nya, dan perkara yang akan saya sentoh hanya-lah beberapa perkara berhubung dengan Adat Istiadat Di-Raja yang sempat saya bicarakan nanti.

Perlembagaan:

Adat Istiadat ada-lah diakui ujud-nya oleh Perlembagaan Negeri Brunei 1959, perkara ini ada terchatet dalam bab (6) (B) yang berbunyi bahawa Majlis Mashuarat di-Raja menasihatkan Sultan tentang lantekan2 ka-pangkat2, gelaran2, kehormatan2 dan kebesaran2 Adat Istiadat Melayu.

Pemashhoran:

Dalam Pemashhoran Mengangkat Raja dan Melantek Pemangku Raja 1959 bab (30) (1) di-nyatakan bahawa kechualj kalau berlain dengan butir2 dalam pemashhoran ini, maka Adat Negeri Brunei yang purbakala yang berkaitan dengan Sultan atau Pemangku Raja atau dengan hal mengurnia atau memegang atau meluchutkan pangkat, gelaran, kebesaran, kemuliaan atau pingat kebesaran atau keutamaan akan terus berkuat kuasa.

Dari dua sumber yang tersebut di-atas di-dapati bahawa-nya Adat Istiadat Brunei bukan-lah suatu perkara yang ringan, bahkan ia-merupakan suatu perkara yang berat dan berkuat kuasa di-negeri ini.

Pengertian:

Sa-belum kita memperkatakan tajuk cheramah ini lebeh jauh ada baik-nya kita mende-kati pengertian Adat Istiadat

itu sendiri supaya kita lebeh senang membentok fahaman mengenai-nya.

Menurut Kamus Umum Bahasa Indonesia, karangan W.J.S. Purwadarminta bahawa Adat erti-nya (1) aturan yang lazim di-turut atau di-lakukan sejak dahulu kala, (2) kebiasaan; chara yang sudah menjadi kebiasaan. Adat Istiadat bererti berbagai2 adat kebiasaan.

Menurut H. M. Sidin dalam buku-nya Asal Usul Adat Resam Melayu bahawa ada pun yang di-katakan adat oleh orang2 tua itu sa-benar-nya, ialah suatu kebiasaan dari suatu perbuatan yang di-ulang2 dan yang telah di-terima oleh masyarakat sa-bagai suatu peraturan hidup yang mesti dipatohi.

Menurut Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan semasa bersabda dalam Kursus Wazir2, Cheteria2 Dan Manteri2 termasuk Manteri2 Pendalaman pada 22hb. Jun, 1968, bahawa 'Adat' atau 'Adat Istiadat' atau 'Dalam Majlis Beristiadat' sa-bagai indah laila kata misalan orang tua2 kita dahulu, ada-lah mengandongi adab dan perkara2 yang mengembangkan atau membenca pada menchukup atau melengkapkan 'Adat Istiadat' itu baik dari segi alat-an2 perhiasan, gelaran dan susunan2 mereka yang akan menghadziri satu2 majlis yang beradat atau beristiadat.

Daripada pengertian2 di-atas dapat-lah di-simpulkan bahawa Adat Istiadat itu termasuklah erti-nya peraturan2 hidup yang mengandongi adab yang mana peraturan2 itu boleh menerima perubahan2 yang sesuai dengan keadaan zaman.

Sultan dan raayat:

Brunei ia-lah sa-buah negara yang bersultan, Sultan ada-lah sa-bagai wakil raayat yang

mutlak dan turus tonggak negara, menjadi lambang negara yang tertinggi untuk menguasai dan menjalankan pemerintahan negeri yang tertinggi, terdiri daripada empat bahagian; kanun, shara', resam dan adat istiadat.

Dengan demikian ujud-nya Brunei ada-lah terdiri dari persatuan dan perpaduan raayat yang telah menyerahkan kuasa diri masing2 kapada Sultan berdasarkan 'Raja tidak boleh dzalim' dan 'Raayat tidak boleh derhaka', ia-itu Raja untuk raayat dan raayat untuk raja.

Dalam pada itu, dengan kurnia Sultan Omar Ali Saifuddin, Brunei mempunyai perlembagaan bertulis pada tahun 1959, maka dengan ujud-nya perlembagaan itu Brunei adalah di-perintah dan di-jalankan menurut Perlembagaan tersebut.

Brunei Tua:

Mengikut penyiasatan ahli2 sejarah bahawa Brunei Tua harus di-buka oleh orang2 Hindu; kerana mulai dari kurun masihi yang pertama ramai orang2 Hindu menjalankan perniagaan dengan Negeri China dengan menggunakan jalan laut, mereka belayar berlayar berulang alek dari India ka-China dengan melalui Selat Sunda dan Laut China, maka oleh kerana Pulau Brunei (Borneo) terletak di-tengah2 pelayaran mereka itu, maka ahli2 sejarah berpendapat bahawa Pulau Brunei dijadikan mereka tempat per-singgahan, dan akhir-nya dijadikan mereka negeri.

Dalam pada itu ada ahli2 yang mengatakan bahawa asal usul Bangsa Melayu ada-lah dari benua Asia, yang berpindah dari suatu tempat ka-suatu tempat yang lain melalui Sumatra, kemudian ka-Semenanjung Tanah Melayu, ka-Jawa dan terus ka-Bali, Lombok

Terlebeh dahulu ingin saya menegaskan dengan ikhlas-nya bahawa saya bukan-lah orang-nya yang layak untuk berchapak mengenai dengan Adat Istiadat Brunei, kerana beberapa sebab, ada empat sebab yang utama mengenai-nya:

1. Saya bukan-lah orang yang mempunyai pengetahuan dan pengalaman.
2. Saya terlalu muda dalam mencham-porkan diri mengenai Adat Istiadat, ia-itu mulai dari 31hb. Januari, 1968 sejak saya di-gelar atau di-sampiri nama.
3. Masa terlalu singkat untuk menyediakan persediaan (saya terima surat pada 16hb. April, 1970 dan bercheramah pada 21hb. April, 1970) dalam pada itu saya terpaksa menyediakan tiga cheramah lain mengenai dengan Ugamu.
4. Bahan2 rujukan terlalu sukar untuk saya mendapatkan-nya.

Walau bagaimana pun tekeduhong memikirkan faedah2 yang akan di-terima dari segi ilmu pengetahuan sabagai panduan atau pembuka jalan, baik diri saya sendiri mahu pun pada peserta2 kursus yang terdiri daripada Guru2 Ugama, maka saya bertawakkal memberanikan diri untuk menerima tugas ini dengan sabarapa daya yang boleh, dalam pada itu jika di-dapati sabarang kesalahan atau kesitapan, saya minta-lah kapada sesiapa yang mengetahui-nya sudi membuat tegoran2 untuk kebaikan kita bersama.

dan Sumbawa. Dari Jawa juga ka-Kalimantan terus ka-Sulawasi, Philipina dan ka-seluruh Asia Tenggara yang hampir ka-Benua Amerika Selatan, dari Pulau Formosa di-sabelah Utara sampai ka-New Zealand di-sabelah Selatan.

Walau pun ada-nya keharusan bahawa orang2 Hindu yang membuka Negeri Brunei, seperti pendapat pertama di-atas, tetapi tidak-lah di-dapati keterangan, sama ada Hindu berkuasa atau tidak, walau pun ada beberapa hal yang boleh mengingatkan kita kapada hal orang2 Hindu di-Brunei sa-umpama adat makan sireh, istiadat menggelar dengan memakai chiri.

Dalam pada itu perkara2 seperti itu boleh di-tiru oleh Brunei daripada Kerajaan Majapahit yang mana pada suatu ketika Brunei (Puni) berada dalam lingkungan-nya.

Nampak-nya perkara2 seperti itu lebeh banyak merupakan kesan atau pengaruh Hindu kapada Brunei, demikian-lah juga dengan kesan Islam kapada Brunei sa-sudah Islam bertapak di-Brunei.

Pembesar2 Negara:

Pembesar2 Negara Brunei yang menjalankan pemerintahan di-bawah pimpinan Duli Yang Maha Mulia terbahagi kapada tiga peringkat:

- a. Wazir.
- b. Cheteria.
- c. Manteri

Pembesar2 Negara ini adalah di-beri hak untuk menjalankan kewajipan terhadap negara menurut taraf gelaran-nya seperti yang di-atorkan tugas2 dan kewajipan2 mereka menurut adat istiadat, segala kekuasaan yang mereka jalankan itu mengikut taraf gelaran mereka ada-lah semata2 kuasa Sultan.

(Lihat Muka 6)

BULAN ini ia-lah bulan yang bersejarah bagi manusia. Dan buat kita masyarakat Islam di-negara Brunei ini pada tiap2 tahun di-bulan ini kita tidak ketinggalan memperingati dengan bermacam2 chara dan yang lebeh menarek, kita keluar berarak beramai2 di-tiap2 daerah dengan membawa chogan2 kata yang bersemangat di-samping kata2 hikmat, memuja dan memuji kebesaran dan keagongan pemimpin kita yang ulong Nabi Mohammad s.a.w.

Bersempena dengan menyambut hari kelahiran junjongan kita Nabi Mohammad s.a.w., di-samping kita mendengar sharahan2 yang khas, ucapan2 dan nasihat2 yang berguna sa-bagai membaharu perasaan dan ingatan kita di atas kesucian Ugama Islam dan menyeru supaya di-amalkan apa yang telah di-suruh oleh Ugama Islam jika manusia mahu selamat dan hidup tenteram.

Nabi Mohammad ada-lah diutus ia-lah sa-bagai ikutan dan mendatangkan kebajikan ka-atas umat Islam, kerana Baginda ada-lah di-sifatkan sabagai pemberseh segala macham shirik dan keperchayaan yang karut2. Menghapuskan segala kejahatan dan mengajar manusia supaya bersungguh2 belajar dan menchari ilmu pengetahuan yang mendatangkan munafaat kepada diri-nya dan manusia lain-nya.

KEWAJIPAN

Jika kita sudah mengetahui dan di-ingati oleh bijak pandai di-tiap2 tahun apabila menjelang-nya hari keputeraan Nabi besar ini, jadi-nya mengapakah pula kita maseh mahu berbalek kapada keadaan seperti sa-belum di-bangkitkan rasul itu?. Dan mengapa kita maseh tidak mahu mengambil tahu segala perkara yang menjadi kewajipan tiap2 sa-seorang

Nabi Mohammd s.a.w. — pemberseh segala macham shirik dan keperchayaan karut

KHUTBAH JUMA'AT

itu?. Atau lain perkataan, mengapa tiap2 orang tidak mahu belajar segala pelajaran yang mesti di-ketahui (farhdu 'ain) seperti mengetahui membersekan diri dan alat2 kegunaan sa-hari2 daripada najis, atau sa-orang perempuan bila dia mesti wajib mandi kerana kedatangan haid atau nifas dan lain2 lagi.

MANDI BERANAK

Mengambil sempena kita menyambut hari Mauludan Nabi pada hari ini, maka patut-lah kita tahu betul2 dengan apa yang di-perentahkan oleh Ugama Islam bukan sa-chara berpegang dengan ingatan daripada orang tua2, kerana perkara seperti itu selalu terdapat kesilapan atau salah faham, seperti mandi kerana nifas di-sebut juga mandi kerana sa-lepas beranak (yang selalu di-dengar ia-lah mandi 40). Pada hal nifas itu tidak mesti 40 hari, bahkan kadang2 lebeh dan ada kala-nya kurang, jadi-nya apa yang menjadi wajib ia-lah apabila kering darah itu, maka wajib-lah mandi dan menunaikan fardhu yang di-wajibkan, begitu juga perkara 'idah' dan lain2 perkara yang menjadi perkara sa-hari2.

Perkara seperti ini ada-lah

di-wajibkan tiap2 orang lelaki yang hendak berkahwin mengetahui, kerana dalam perkara ini dia ada-lah berwajib mengajar isteri-nya, jika isteri-nya itu tidak mengetahui, dan wajib jika ka-atas tiap2 perempuan kerana untok dia beribadat dan menyempurnakan kewajipan sa-hari2.

Kalau kita menyebut mandi, maka semua orang mengetahui bahawa mandi ada-lah untok membersekan semua badan daripada kekotoran dan memulehkan kesegaran badan sa-lepas penat bekerja. Dan mandi ini tidak-lah satu perbuatan yang kecil kapada manusia sendiri, Mandi yang di-wajibkan di-dalam Islam ada-lah sangat luas erti-nya jika hendak di-sentoh dalam Khutbah ini. Tetapi kita tidak-lah bermaksud demikian, oleh itu apa yang kita maksudkan ia-lah di-samping semangat kita yang maseh berkobar2 dengan semangat keislaman yang di-baharu, dan kita maseh lagi di-dalam menghadhiri perayaan Mauludan Nabi, maka hendak-lah kita melihat kapada diri kita semua-nya ada-lah sudah lengkap diri kita di-dalam memenohi maksud ugama dan pelajaran2 yang di-mestikan (fardhu 'ain).

Jika kita tidak sempurna dengan ilmu, maka mari-lah kita amalkan dengan sa-ikhlas-nya dan mengajar anak dan isteri kita sa-bagaimana yang di-wajibkan, moga2 kita sempurna hidup dan masok di-bawah naoangan Rassulullah di-akhirat dan baru-lah kita dapat menyambut seruan Allah sa-bagaimana maksud firman-nya di-dalam kitab suci Al-Quran surah Al-Ahzab ayat 21 yang berbunyi:

FIRMAN TOHAN

"Dan sa-sungguh-nya Rasulallah itu menjadi ikutan (tauladan) yang baik untok kamu dan untok orang yang mengharapkan menemuji Tohan dan hari kemudian, dan yang mengingati Tohan sa-banyak2-nya." Dan Tohan berfirman lagi yang bermaksud:

"Dan tidak-lah kami (Allah) mengutus engkau ya Mohammad ka-dunia ini melainkan menjadi satu kebajikan kapada seluroh alam".

Oleh itu, jika kita benar2 sa-orang pengikut Nabi Mohammad yang berugama Islam dan beriman kapada Allah tentu-lah kita tidak ragu menerima ajaran-nya dan mengamalkan-nya dengan baik.



Gambar atas menunjukkan pasokan Persatuan Melayu Keriam — PESAKA yang telah turut mengambil bahagian dalam perarakan Sambutan Maulud Nabi di-Daerah Tutong pada hari Juma'at 22 Mei lepas.

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 27 Mei 1970 hingga ka-hari Selasa 2 Jun 1970 ada-lah seperti di-bawah ini:—

Hari	Matahari						
	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh Terbit
27 Mei		12-23	3-42	6-34	7-46	4-36	4-51 6-06
28 Mei		12-23	3-42	6-34	7-46	4-36	4-51 6-06
29 Mei		12-23	3-42	6-34	7-46	4-36	4-51 6-06
30 Mei		12-23	3-42	6-34	7-46	4-36	4-51 6-06
31 Mei		12-23	3-42	6-34	7-46	4-36	4-51 6-06
1 Jun		12-25	3-45	6-35	7-47	4-37	4-52 6-06
2 Jun		12-25	3-45	6-35	7-47	4-37	4-52 6-06

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mula pada pukul 12-45 tengah hari.



27hb. Mei, 1970.

RASUAH

SABDA Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan mengenai dengan rasuah, nampak-nya telah menarik perhatian umum sa-hingga dapat di-katakan bahawa ia-nya telah menjadi tajok2 perbuatan di-kalangan orang ramai, bahkan telah di-jadikan sa-bagai salah satu inti sari dalam ucapan Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan yang di-sampaikan di-Temburong baru2 ini.

Dalam keluaran minggu lalu, kita juga turut sama2 menimbulkan masalah itu yang pada tujuan asas kita untuk sama2 mengingatkan di-kalangan masyarakat kita di-Brunei terma-sok yang memegang tanggung-jawab2 yang besar terhadap negara agar sa-tiap tubuh badan kita di-Brunei terlepas dari di-nodai oleh rasuah yang men-jahanamkan itu.

Satu hal yang harus kita pering-atkan bahawa dengan mem-perkatakan rasuah, ia-nya ti-dak membawa arti yang perkara itu memang berlaku. Namun demikian sukar juga bagi kita untuk meniadakan-nya, kerana hal itu memerlukan kita me-yakinkan-nya dengan bokit2 yang boleh di-pertanggung-jawabkan.

Apa yang menjadi tujuan pokok pada memperkatakan atau mengucapkan rasuah itu adal-ah semata2 bagi memperingat-kan sa-tiap kerat diri kita agar kita tidak akan rabun terhadap tanggung-jawab kita yang maha besar ia-itu memelihara ke-sucian dan keagungan negara yang merasmikan agama Islam yang sa-chara langsung menegah sa-tiap penganut2-nya membuat perbuatan2 yang keji termasuk-lah rasuah yang sangat2 di-tegah dalam Islam.


Ingat memperingati adal-ah satu perkara yang amat musta-hak, kerana sifat lalai dan pelupa serta mudah terpedaya da-lam tubuh badan manusia dapat di-katakan sentiasa ada. Chuma yang dapat mengubati sifat2 lalai, pelupa, terpedaya dan terpengaruh itu ia-lah dengan jalan ingat memperingati. Dan peringatan2 yang di-berikan itu, baik dari siapa pun datang-nya, lebeh2 lagi dari pe-mimpin2 negara, harus-lah di-terima dengan dada yang ter-buka dan kepala yang dingin.

Bahawa tidak-lah di-maksud-kan ia-itu siapa yang termakan chili dia-lah kena pedas-nya, te-tapi kita amat yakin bahawa sa-bagai hamba Allah yang me-nempatkan diri masing2 berpi-jak di-bumi Brunei ini sudah tentu sama2 memperjuangkan dan mendukung tegoh akan ke-haruman nama-nya dan ke-tegohan ekonomi-nya sa-bagai pasak keamanan dan kesejah-teraan seluroh raayat.


Sa-bagi menghuraikan mak-sud sabda itu, Y.B. Setia Usaha Kerajaan dengan tegas mem-buat seruan kepada kakitangan kerajaan untuk menjauhkan diri masing2 dari noda perbuatan ra-suah. Seruan itu adal-ah me-nyeluruh kepada yang berkhid-mat dengan Kerajaan sa-bagai satu peringatan yang mustahak untuk menyelamatkan negara dan raayat.



Pegawai Daerah Tutong, Pengiran Othman bin Pengiran Anak Mohd. Salleh, selaku Pengerusi Sambutan Maulud Nabi daerah itu ketika menyampaikan ucapan alu2an.



Gambar atas menunjukkan Pengetua Pegawai Hal Ehwal U gama, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Mahkota Pengiran Muda Kemaluddin Al-Haj ketika di-perkenalkan oleh Pengiran Othman kepada ketua salah sa-buah pasokan yang mengambil bahagian dalam perarakan tersebut. Sementara gambar bawah, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Mahkota sedang menyampaikan sijil kepada ketua salah sa-buah pasokan perempuan yang mengambil bahagian dalam perarakan tersebut.



SAMBUTAN MAULUD DI-DAERAH TUTONG

PEKAN TUTONG. — Umat Islam di-Daerah Tutong telah menyambut hari kelahiran Nabi besar kita Mohammad s.a.w. dengan mengadakan perhimpunan dan perarakan mengelilingi Pekan Tutong pada hari Ju-ma'at 22 Mei lepas.

Lebeh dari 3,000 orang dari 51 buah pasokan telah meng-ambil bahagian dalam perara-kan tersebut. Mereka telah me-wakili persatuan2 belia, kam-pong2, sekolah, jabatan2 ker-ajaan dan lain2 pertubuhan Is-lam di-daerah itu.

Pasokan itu pada mula-nya berhimpun di-padang Sekolah Melayu Muda Hashim untuk mendengar sharahan mengenai riwayat hidup dan ajaran2 Na-bi Mohammad s.a.w. yang di-sampaikan oleh Kadzi Besar, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Di-Raja Dato Utama Awang Haji Mohd. Zain bin Haji Seruddin dan ucapan alu2an oleh penge-rusi sambutan, Pengiran Oth-man bin Pengiran Anak Mohd. Salleh serta ucapan. Pegetua Pegawai Hal Ehwal U gama, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Mahkota Pengiran Mu-da Kemaluddin Al-Haj.

Sa-telah itu, dengan di-da-hului oleh bacaan salawat dan di-ikuti oleh tembakan me-riam sa-banyak 12 das pasok-an2 yang mengambil baha-gian pun mulai berarak meng-elilingi pekan Tutong.

Perarakan itu telah di-kepa-lai oleh Pengetua Pegawai Hal Ehwal U gama, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Kema-luddin Al-Haj, Kadzi Besar, ahli2 jawatankuasa sambutan perayaan Maulud Nabi Daer-ah Tutong dan di-ikuti oleh pasokan pencharagam Askar Melayu Di-Raja Brunei.

Sa-telah berarak mereka ber-kumpul sekali lagi di-padang itu untuk menerima sijil2 yang telah di-sampaikan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Indera Mahkota Pengiran Muda Kema-luddin Al-Haj.

Sambutan itu telah di-akhiri dengan bacaan do'a selamat yang di-sampaikan oleh Awang Abd. Kani bin Abd. Ghani, Iman Masjid Hassanal Bol-kih, Tutong.

Pada sebelah malam-nya pu-la di-adakan Pesta Maulud di-padang Bukit Bendera. Ber-bagai2 achara yang berunsur ugama telah di-persembahkan pada malam itu.

DI - DAERAH TEMBURONG. Lebeh dari 1,000 orang Umat Islam telah mengambil bahagian dalam perarakan mengelilingi pekan Bangar kerana merayakan sambutan Maulud bagi daerah itu.

Umat Islam di-Daerah Belait pu-la akan mengadakan sambutan sa-rupa itu dengan mengadakan per-himpunan di-padang besar Kuala Belait dan berarak mengelilingi pekan Kuala Belait pada hari Sab-tu 30 Mei ini.



Pasokan belia Brunei sa-belum memulakan perlawanan.

PERTANDINGAN Kejohanan Bola Sepak Pemuda Asia ke-12 yang berjalan selama 17 hari di-Manila yang mana negeri itu telah menjadi tuan rumah telah berakhir 2 Mei ini.

Sa-banyak 16 buah negara2 di-Asia termasuk Brunei telah turut serta mengambil bahagian dalam pertandingan itu.

Pertandingan itu diadakan sa-tiap tahun kerana merebut 'Piala' hadiah daripada Perdana Menteri Malaysia Tengku Abd. Rahman Putra Al-Haj yang juga selaku Yang Di-Pertua AFC (Asian Football Confederation).

'Piala Kejohanan' Pemuda Asia itu berharga M\$45,000.00 yang di-pegang sa-lama sa-tahun oleh pasukan yang menang dan piala itu juga merupakan pertaruhan buat sa-lama2-nya untuk di-pertandingkan.

Negeri Brunei buat pertama kali-nya telah menghantar 18 orang pemain ka-sokan itu dimana negeri ini telah ditempatkan dalam kumpulan 'A' yang bertemu dengan pasukan2 dari Thailand, Korea dan Hongkong.

GOL TUNGGAL

Dalam perlawanan kumpulan 'A' Hongkong mengalahkan Brunei 6-1; Thailand mengalahkan Brunei 10-0 dan Korea mengalahkan Brunei 3-0.

Ketika perlawanan di-adakan dengan Hongkong Awang Abdullah bin Haji Badar telah menjaringkan satu gol tunggal bagi pasukan Brunei dalam sa-paroh masa pertama yang menjadikan kedudukan permainan ketika itu 2-1 dan dalam sa-paroh masa kedua Hongkong menambah empat gol lagi yang berkesudahan 6-1.

Pasokan Brunei itu telah diketuai oleh Pg. Idris bin Pg. Shahbandar Haji Mohamad, Awg. Mohamad Ismail sa-bagai jurulatih pasukan Brunei, Awg. Karim Pukol dan Awg. S. Liew Kee Soon.

Sungguhpun pasukan Brunei tidak dapat menewaskan salah satu dari negeri2 yang di-lawan dalam kumpulan 'A' tetapi sa-kurang2-nya ini telah berpeluang bertemu dengan ne-

geri2 yang handal dan berpengalaman sejak bertahun2 dalam perlawanan itu.

Negeri Hongkong mithal-nya telah berpengalaman sa-lama 12 tahun sejak perlawanan itu di-tubuhkan. Thailand pasukan yang handal yang telah menyanggah gelaran Johan tahun lalu dan Korea yang mendapat tempat ketiga dalam tahun ini.

MEMERANJATKAN

Sungguhpun Brunei mengalami kekalahan ketika bertemu dengan pasukan2 dalam kumpulan 'A' tetapi sa-kurang2-nya pasukan dari Brunei merasa bangga di-mana ia-nya memeranjatkan para penganjur, para pengadil dan pegawai2 dari negara2 yang turut bertanding di-mana permainan pasukan Brunei di-katakan sangat baik apatah lagi negeri ini buat pertama kali-nya menyertai perlawanan sa-umpama itu.

Sa-panjang perlawanan itu di-adakan pasukan Brunei di-dapati mempunyai semangat permainan yang bersehd dan tidak melanggar peraturan2 perlawanan yang bertaraf antara bangsa.

Kerana itu juga pasukan Brunei telah di-iktiraf oleh pasukan2 dari 15 buah negara yang turut bertanding sa-bagai pasukan yang layak mendapat gelaran sa-bagai pasukan yang terbaik sekali dalam perlawanan itu.

Satu penghormatan tinggi telah di-berikan kepada Brunei apabila pasukan Brunei di-umumkan dalam satu upacara penyampaian hadiah 'Piala' sa-bagai pasukan yang terbaik yang di-saksikan oleh kira2 30,000 orang penonton di-Stadium Rizal Manila.

Satu tepokan bergemuruh apabila ketua pasukan Brunei Pg. Idris tampil ka-hadapan untuk menerima hadiah 'Piala' itu yang di-sampaikan oleh Yang Di-Pertua Persatuan Bola Sepak Filipina Andres Soriano.

Di-tanya kenapa pasukan dari negeri2 lain tidak mendapat gelaran sa-bagai pasukan yang terbaik dalam perlawanan itu, salah sa-orang pegawai yang menyertai pasukan

BOLA SEPAK PEMUDA ASIA:

Rahsia kemenangan Brunei sa-bagai pasukan terbaik

OLEH:

ABD. RAHIM WALLI

Brunei ka-pertandingan itu berkata bahawa kebanyakan dari negeri2 itu melakukan permainan2 yang terkeluar dari apa yang di-panggil 'sportman ship'.

Kata-nya lagi, kebanyakan dari pemain2 pasukan itu chedera sa-hingga tidak dapat bermain yang pada mula-nya pasukan yang kalah bertemu dengan pasukan yang kalah telah tidak dapat berbuat demikian.

Pegawai yang menyertai pasukan Brunei itu menjelaskan lagi bahawa pengadil Major Ong Eng Yeng dari Singapura telah meninggalkan padang perlawanan kerana sa-orang pemain dari Thailand Sahus Peiaswarn tidak mengikut perintah pengadil keluar padang kerana permainan-nya terlalu 'kasar'.

TIDAK SAH

Jawatankuasa Pertandingan Gabungan Bola Sepak Asia mengambil satu keputusan menggantung permainan Sahus Peiaswarn dari Pasokan Thai dan mengambil keputusan juga bahawa permainan pasukan Thai ketika itu di-anggap tidak sah dalam perlawanannya dengan pasukan Korea yang tidak tamat dan mengambil ketetapan bahawa Korea menang 2-1.

Pasokan Brunei atau pasukan2 yang berlawan dengan Brunei tidak ada yang mendapat chedera, tidak

ada aduan2 yang di-terima pindek-kata pasukan Brunei tidak pernah menyulitkan perjalanan pertandingan itu sa-hingga selesai semuanya berjalan dalam suasana aman dan persahabatan.

Ini-lah juga puncia-nya menyebabkan pasukan Brunei mendapat kepujian yang tinggi di-sokan itu.

Salah sa-orang pegawai sokan yang ada di-situ berkata bahawa Brunei mempunyai masa depan yang chermelang dalam lapangan sokan jika semangat kechendorungan di-lapangan yang sedia ada dimiliki oleh sa-tiap pemuda Brunei itu di-asoh dengan baik.

Pasokan Brunei sa-belum bertolak ka-Manila hanya dapat menjalankan latehan2 singkat dua bulan dalam waktu2 yang terbatas dan dengan keadaan yang masih kurang kemudahan dan alat latehan.

Berikutan dengan itu, sa-belum berangkat ka-Manila, Y.A.B. Menteri Besar ketika menyampaikan bendera Negeri Brunei telah sempat melafadzkan amanat penting kepada pasukan itu. Antara lain beliau menyeru kepada mereka supaya menjaga imej negeri Brunei di-luar negeri di-mana negeri ini masih terlalu muda dalam lapangan itu apatah lagi bertemu dengan negeri2 yang telah maju lebeh jauh ka-hadapan di dunia sokan antara bangsa.

Menyadari hakikat ini amanat penting Menteri Besar itu nampak-nya menambahkan lagi keazaman pasukan2 Brunei bagi menjaga maruah, keperibadian dan bangsa Brunei untuk di-cherminkan ka-luar negeri.

Memenangi gelaran sa-bagai pasukan yang terbaik sekali di-sokan Negara2 Asia itu memang tidak diduga sama sekali, tetapi apa yang menjadi satu perangsang ia-lah semangat sokan mesti di-praktikkan sa-chara langsung oleh pasukan Brunei.

Pertandingan Bola Sepak Pemuda Asia kali ke-13 akan berlangsung di-Jepun tahun depan Brunei besar kemungkinannya akan menghantar pasukan-nya dalam perlawanan itu nanti.



Penjaga gol, Awang Rosii ketika menyelamatkan bola dari serangan pemain2 Negeri Thai.

AHAD "HARI BAHASA INGGERIS" BAGI PENUNTUT2 S.M.M.J.M.

BANDAR BRUNEI. — Pengarah Pelajaran Dato Seri Laila Jasa Awang Malcolm MacInnes pada hari Ahad lepas telah merasmikan upacara Hari Bahasa Inggeris bagi penuntut2 di-Sekolah Menengah Melayu Jalan Muara.

Berucap kepada lebih dari 800 orang penuntut2 di-sekolah itu Pengarah Pelajaran itu telah menyeru supaya mereka

membiasakan diri bertutor dalam bahasa Inggeris sa-berapa yang boleh dengan tidak merasa segan dan malu sa-bagai satu langkah menambahkan pengetahuan mereka yang lebih sempurna.

Beliau berkata, mulai tahun ini bahasa Inggeris ada-lah satu mata pelajaran yang diwajibkan bagi mereka yang mengambil peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran, Sijil Pelajaran Malaysia dan Sijil Tinggi Persekolahan aliran Melayu berdasarkan keputusan yang dikeluarkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia baru2 ini.

Beliau menambahkan, bahawa Jabatan Pelajaran pada masa ini sedang berusaha bagi membuka lebih banyak lagi kelas2 bahasa Inggeris di-bawah kelolaan bahagian pelajaran dewasa bagi membolehkan penuntut2 aliran Melayu meninggikan pengetahuan mereka dalam bahasa Inggeris.

Penggunaan bahasa Inggeris hanya akan di-adakan di-sekolah itu pada tiap2 hari Ahad sahaja sa-bagai satu galakan di-samping mengadakan ujian2 berchakap dan lain2 ujian yang perlu.

Lagi sa-orang masuk ka-rumah orang2 Tua Setia

SERIA. — Majlis Perkhidmatan Masyarakat Daerah Belait telah memasokkan sa-orang lagi orang tua ka-Rumah Orang Tua di-Seria.

Dengan kemasokan orang ini bilangan penghuni2 di-rumah itu sekarang ada-lah 59 orang termasuk enam orang perempuan.

Majlis Perkhidmatan Masyarakat telah menyatakan bahawa dalam masa dari 1 Januari hingga 8 Mei, wang sa-banyak 11,292.76 telah dibelanjai bagi penyelenggaraan rumah itu dari pada pendapatan sa-banyak \$25,474.45.

Perbelanjaan tahunan bagi menyelenggarakan rumah itu ada-lah kira2 \$31,000.00 yang mana \$10,000.00 ada-lah peruntukan dari kerajaan. Baki wang itu terpaksa di-kutip dari sumbangan2 orang ramai.



Sa-orang pegawai pertanian sedang memberi penerangan mengenai dengan chara2 menanam sayur2an kepada ahli2 persatuan peladang Kampong Paya Tanajor, Labi yang telah melawat ka-pusat pertanian Kilanas baru2 ini.

Lawatan peladang itu ia-lah sa-bagai menamatkan kursus selama sa-minggu yang di-adakan di-kampung mereka.

Ahli2 persatuan peladang itu juga telah melawat ka-pusat Pertanian Luahan, ladang ternakan binatang Jerudong dan pusat pertanian Sharikat Minyak Shell di-Sinaut.

BARANG2 MUZIUM BRUNEI6



Nama: Umpok.

Penerangan: Umpok, selain daripada buatan tembaga, ada juga di-buat daripada kayu dan daun (pandan dan nipah). Ia-nya di-gunakan sa-bagai alat penyimpanan (storage).

Bentuk ukiran-nya 'daun si-reh'. Penggunaan-nya jarang lagi terdapat di-kampong2.

Di-beli dalam tahun 1952 di-Daerah Brunei.

Sukat: Lebar 9 1/8".

Tinggi 6 1/2".

Selayang pandang mengenai adat istiadat Brunei

(Dari Muka 2)

Bilangan Pembesar2 Negara:

Wazir sa-banyak empat orang. Cheteria enam puluh orang, ia-itu empat orang kapala Cheteria (di-namakan juga Cheteria empat), lapan orang Cheteria besar di-namakan juga Cheteria delapan), enam belas orang Cheteria pengalasan (di-namakan juga Cheteria enam belas), tiga puluh dua orang Cheteria Damit (di-namakan juga Cheteria tiga puluh dua).

Dan enam puluh dua orang Manteri, ia-itu dua orang kapala Manteri, empat orang Manteri Empat, lapan orang Manteri pengalasan besar (di-namakan juga Manteri delapan), enam belas orang Manteri pengalasan biasa (di-namakan juga Manteri enam belas), tiga puluh dua orang Manteri pengalasan damit (di-namakan juga Manteri tiga puluh dua).

Dan sambilan orang Manteri Uagama ia-itu terdiri daripada sa-orang kapala Manteri Uagama, empat orang Imam dan empat orang Khatib. Tiga orang Manteri Dayang ya'ani orang luar dan beberapa orang Manteri Istana.

Pindaan:

Sungguh pun ketetapan bilangan yang tersebut di-atas telah ujud tetapi perubahan2 ada-lah di-lakukan juga dengan mengadakan pindaan2 tambahan2 bilangan dan gelaran kepada Wazir, Cheteria dan Manteri dari satu masa ka-satu masa

Di-zaman Sultan Hassanah Bolkihah ini beberapa tambahan dan pindaan telah di-lakukan. Termasuk-lah tambahan Wazir gelaran yang di-namakan Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar ia-itu Ketua segala Wazir2.

Dalam bahagian Cheteria telah di-adakan tambahan seperti Pengiran Perdana Cheteria Laila Di-Raja Sahibon Nabalah, ia-itu Ketua bagi segala Cheteria2, dan Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Di-Raja dalam Istana serta Pengiran Sangga Mara. Dalam pada itu pindaan gelaran Cheteria telah juga di-lakukan seperti Pengiran Maharaja Adinda Sahibul Fikri (Cheteria Empat) telah di-tukar menjadi Pengiran Maharaja Setia Laila Di-Raja Sahibul Irshad.

(Bersambung)

Pesta Aneka Irama 30 Mei

BANDAR BRUNEI. — Badan Hadrh Tunas Raja Muda BAHTRAMU akan mengadakan Pesta Aneka Irama bertempat di-Dewan Pusat Belia Bandar Brunei pada hari Sabtu 30 Mei

Pesta Aneka Irama itu akan di-sulami dengan peraduan2 menyanyi lagu2 asli dan bertentak Hindustan yang terbuka kepada ahli2 persatuan belia; pertubohan2 kebajikan, maktab2 dan persaorangan di-Daerah Brunei-Muara.

Lain2 achara yang akan di-persembahkan ia-lah derama pentas, lawak jenaka dan tari-ant2 asli.

Setia Usaha Agong persatuan itu Awangku Mohamed bin Pengiran Sarpudin berkata, sa-banyak lima belas peserta akan menyertai dalam peraduan lagu2 asli.

Tiket2 berharga \$2.00 dan \$1.00 untuk menyaksikan pertunjukan itu di-jual di-pintu masuk Pusat Belia, pada malam itu.

JAWATAN-JAWATAN KOSONG

Di-Jabatan Setor dan Perbekalan Negara

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalu2 yang berkelayaan untuk memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Setor dan Perbekalan Negara, Brunei.

a) PENYELANGGARA SETOR TINGKAT KHAS (1 Jawatan)

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Pemohon2 mesti-lah berumur tidak lebih dari 45 tahun dan lulus sekurang2-nya L.C.E. Inggeris atau yang sa-banding dengan-nya; mempunyai pengalaman sekurang2-nya selama 5 tahun sa-bagai Penyelenggara Setor Kanan menjaga barang2 setor seperti berikut: Kenderaan motor, jentera2 dan alat2 yang besar, dan barang2 kejuruteraan 'am.

Gaji:

Dalam sukatan gaji C2 — \$660 x 30 — 900. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Sa-bagai Pemandu Motor Sangkut

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalu2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan sa-bagai Pemandu Motor Sangkut Tingkat II di-Jabatan Hal Ehwal Uagama, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Pemohon2 mesti-lah mempunyai pengalaman memandu motor sangkut sekurang2-nya selama 3 tahun dan boleh memperbaiki sebarang kerosakan kecil bagi jentera motor sangkut.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F2 EB3 — \$180 x 5 — 195/EB/200 x 5 — 220.

Permohonan2 daripada Pegawai2 Kerajaan yang sedang berkhidmat hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Jabatan siapa di-kehendaki menghantarkan laporan2 sulit mengenai pemohon2 bersama2 dengan satu Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 30 Mei, 1970.

b) PENYELANGGARA SETOR TINGKAT I (5 jawatan)

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Pemohon2 mesti-lah berumur tidak lebih dari 45 tahun dan lulus sekurang2-nya L.C.E. Inggeris atau yang sa-banding dengan-nya dan mempunyai pengalaman sekurang2-nya selama 10 tahun dalam kerja2 setor menjaga barang2 setor seperti berikut: Kenderaan motor, jentera2 dan alat2 yang besar, dan barang2 kejuruteraan 'am.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D4 — \$500 x 20 — 620. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

c) PENYELANGGARA SETOR TINGKAT II (1 jawatan)

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Pemohon2, untuk lantekan ini mesti-lah telah mencapai umur 17 tahun dan lulus sekurang2-nya pereksaan L.C.E. Inggeris atau yang sebanding dengan-nya. Keutamaan akan di-beri kepada pemohon2 yang mempunyai pengalaman dalam kerja2 setor.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D2 EB3 — \$270 x 15 — 360/EB/380 x 20 — 480. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

d) PENYELANGGARA SETOR TINGKAT III (3 jawatan)

Kelayakan2

Chalu2 untuk lantekan ini mesti-lah telah mencapai umur 17 tahun dan lulus sekurang2-nya Form II Inggeris atau yang sebanding dengan-nya. Keutamaan akan di-beri kepada pemohon2 yang mempunyai pengalaman dalam kerja2 setor.

Gaji:

Dalam sukatan gaji E1-2 EB3 — \$200 x 10 — 270/EB/280 x 10 — 330. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Lantekan:

Chalu2 yang berjaya bukan raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek sa-chara berkontrek selama 3 tahun termasuk masa perchubaaan selama 6 bulan. Bagi chalu2 yang berjaya yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-lepas satu tempoh perchubaaan.

Baksis:

Bagi sa-orang chalu2 yang di-

lantek sa-chara berkontrek baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai sharat2 perkhidmatan boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, ida klewat daripada 30 Mei, 1970.

Sa-bagai Tukang Lukis

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada Pegawai Kerajaan yang sedang berkhidmat yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan bagi memenohi jawatan2 Tukang Lukis di-Perjabat Tanah Brunei dan Kuala Belait.

Hanya pegawai2 yang mempunyai kelayakan2 dan pengalaman seperti berikut di-kehendaki pemohon:—

a) Pemohon2 mesti-lah boleh membaca dan menulis Melayu atau telah lulus darjah IV Sekolah Melayu atau yang bersamaan.

b) Mesti-lah sekurang2-nya berkhidmat dengan Kerajaan selama 3 tahun.

Gaji:

Dalam sukatan gaji E1-2 EB3 — \$200 x 10 — 270/EB/280 x 10 — 330.

Permohonan2 hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Jabatan siapa di-kehendaki menghantarkan laporan2 sulit mengenai pemohon2 bersama2 dengan satu Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 8 Jun, 1970.

Sa-bagai Pembantu Teknik Kanan

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalu2 yang berkelayaan bagi jawatan2 Pembantu Teknik Kanan (Quantity Surveying) di-Jabatan Kerja Raya, Brunei.

Umor:

25 hingga 55.

Kelayakan2:

Singapore Polytechnic Technican Diploma dalam Pembangunan, atau City and Guilds Builders (Quantities) Final Examination, atau kelayakan yang sa-banding.

Pengalaman:

Selama lima tahun sa-bagai Quantity Surveying Assistant dengan sa-buah sharikat Chartered Quantity Surveyors; mempunyai kebolehan dalam menaksir, menyediakan kiraan2 dan membuat ukoran2 tapak bangunan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji C2 — \$660 x 30 — 900. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Lantekan:

Chalu2 yang berjaya yang bukan raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek sa-chara berkontrek selama tiga tahun termasuk masa perchubaaan selama 6 bulan. Bagi chalu2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-lepas satu tempoh perchubaaan.

Baksis:

Bagi sa-orang chalu2 yang di-lantek sa-chara berkontrek, baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai sharat2 perkhidmatan boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 10hb. Jun 1970.

SI-TUYU oleh: m. sallah ibrahim



PENUNTUT2 SENTIASA DI-BERI PELUANG UTK MELANJUTKAN PELAJARAN KA-PERENGKAT TINGGI

BANDAR BRUNEI. — Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Lela Sahibol Kahar Pengiran Anak Mohammad Yusof telah menyuruh penuntut2 supaya lebeh2 giat lagi dalam mempelajari seni lukisan dan pertukangan tangan yang di-ajarkan kepada mereka sa-bagai salah satu dari mata pelajaran di-sekolah2.

Yang Amat Mulia membuat seruan itu ketika berucap sa-belum merasmikan Pameran Seni Lukis dan Pertukangan Tangan bagi sekolah2 rendah dan menengah Melayu perengkat negeri pada hari Ahad lepas.

Beliau berkata, ketinggian taraf hidup satu2 bangsa itu boleh di-tinjau daripada mutu kesenian-nya sendiri dan tidak ada bangsa di-dunia ini yang tidak mempunyai kesenian dan kebudayaan sendiri.

Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Lela memuji usaha pehak Jabatan Pelajaran kerana menganjorkan pameran seperti itu, kerana ia-nya boleh menggalakkan usaha penuntut2 menunjukkan nilai dan mutu seni dan ia-nya mungkin dapat menjamin kehidupan mereka apabila dewasa kelak.

Beliau berkata kerajaan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei menerusi Jabatan Pelajaran sentiasa memberikan peluang kepada anak2 negeri ini belajar bukan sahaja di-perengkat rendah dan menengah, bahkan hingga ka-perengkat sekolah2 tinggi dan universiti bagi penuntut2 yang mempunyai kebolehan dan kelakuan.

"Faedah dari hasil pelajaran yang di-perolehi itu nanti, tentulah akan mendatangkan kebahagiaan dan kemakmoran kepada mereka dan sa-terus-nya kepada raayat dan negara", tambah beliau.

Turut memberikan ucapan dalam majlis itu ia-lah Pengarah Pelajaran, Dato Seri Laila Jasa Awang Malcolm MacInnes.

Sekolah Menengah Melayu SMJA, Bandar Brunei telah mendapat tempat pertama dalam bahagian Sekolah2 Menengah, sementara Sekolah2 Melayu Bahagian Brunei Satu menjadi johan dalam sekolah2 rendah.

Keputusan penoh ada-lah seperti pegawai2 daerah.

Bahagian Sekolah Menengah-naib johan — Sekolah Menengah Melayu Jalan Muara dan ketiga Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim Tutong.

Bahagian Sekolah2 Rendah-naib johan — Sekolah Melayu Ba-

Kelas urusan rumah tangga

DATO GANDI. — Sa-buah kelas urusan rumah tangga bagi anggota2 Pertubuhan Perikumpulan Wanita chawangan Dato Gandi/Serdang telah dibuka di-Sekolah Melayu Dato Gandi.

Kelas itu di-anjorkan oleh pertubuhan perikumpulan wanita di-bawah penyeliaan Bahagian Pelajaran Dewasa Jabatan Pelajaran.



Y.A.M. Pengiran Maharaja Lela Pengiran Anak Mohd. Yusof.

hagian Tutong Dua dan ketiga Sekolah Melayu Bahagian Tutong Satu.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh isteri Pengarah Pelajaran Datin MacInnes.

PERKEMBANGAN TEMBURONG MENELAN BELANJA YANG BESAR

burong. — Setia Usaha Kerajaan Yang Berhormat Pengiran Dato Paduka Momin bin Pengiran Haji Ismail telah mengingatkan penduduk2 daerah Temburong bahawa Kerajaan tidak membezakan daerah itu dari daerah2 lain dalam segi pembangunan.

Dalam ucapan beliau merasmikan pesta maulud di-Bangar pada malam hari Sabtu lepas Pengiran Dato Paduka Momin berkata jumlah yang di-belanjakan kerana projek2 perkembangan di-Temburong itu ada-lah lebeh banyak daripada daerah2 lain jika di-bahagikan mengikut jumlah penduduk.

"Ini bererti, kata beliau, Kerajaan sangat2 menitik beratkan perkembangan daerah Temburong dan sama sekali tidak tertinggal dari daerah2 yang lain."

Pengiran Dato Paduka Momin berkata kerajaan telah membelanja dan akan terus membelanjakan berjuta2 ringgit kerana projek2 untuk memperbaiki lagi kehidupan penduduk2 negeri ini termasuk penduduk2 daerah Temburong.

Projek2 itu termasuklah perkhidmatan2 perubatan dan kesihatan, bantuan2 kebajikan, usaha2 pertanian, pelajaran dan sa-umpama-nya.

Menyentuh kesulitan2 yang dialami oleh penduduk2 Temburong, Pengiran Dato Paduka Momin telah menegaskan bahawa penyiasatan2 yang teliti hendak-



Yang Berhormat Pengiran Dato Paduka Momin (kiri) ketika menyaksikan Pesta Maulud di-Pekan Bangar. Di-kiri beliau ia-lah Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Salleh bin Hidup dan Datin Masnah.

S.U.K. seru raayat supaya mengadu kpd. saluran yg. lurus

PEKAN BANGAR, Temburong. — Raayat dan penduduk negeri ini telah di-ingatkan supaya menunjukan pengaduan2 mereka yang memerlukan tindakan kerajaan dengan melalui saluran2 yang bertanggung-jawab.

Sebarang pengaduan yang di-salurkan melalui orang2 yang tidak ketahuan dan lebeh2 lagi yang hanya mementingkan hal mereka sendiri ha-nya akan menimbulkan kekeliruan dan akhir-nya pengaduan2 itu tidak akan mendapat layanan wajar, bahkan ada yang kechewa.

Kenyataan ini telah di-buat oleh Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan, Pengiran Dato Paduka Momin bin Pengiran Haji Ismail sa-belum merasmikan pembukaan Pesta Maulud Nabi di-Daerah Temburong pada hari Sabtu lepas.

Pengiran Dato Paduka Momin sa-terus-nya mengingatkan supaya raayat dan penduduk negeri ni berhati2 dalam membuat pengaduan2 dan jangan mudah terpengaruh baik kepada orang2 pesaorangan, mahupun badan2 yang bertopengkan "bertindak kerana Allah".

"Kerana, orang2 atau badan2 itu, sunggohpun pada pandangan bertindak kerana Allah, tetapi pada hakikat-nya kerap kali mempunyai tujuan2 yang sesat dan bagi kepentingan persendirian".

Oleh yang demikian beliau menasehatkan bahawa sebarang kesulitan2 dan perkara2 yang boleh mengurangkan kepercayaan raayat terhadap kerajaan hendak-lah di-salurkan kepada kerajaan dengan sa-cha-rah jujur dan ikhlas.

Saloran2 itu, kata-nya, ia-lah dengan melalui seperti penghulu2, ketua2 kampung dan orang2 yang bergelar yang akan mengemukakan pengaduan2 raayat itu kepada pegawai2 daerah.

"Hanya melalui orang2 yang sa-umpama ini saja akan mendapat perhatian dan mendatangkan kesan kepada raayat dan penduduk yang membuat pengaduan2 atas sebarang perkara yang boleh mengurangkan kepercayaan raayat kepada kerajaan", tegas beliau.

lah di-adakan terlebih dahulu supaya tidak berlaku pembaziran pada masa2 hadapan nanti.

Walau pun sa-tengah2 penyiasatan itu memerlukan masa, akhirnya kesulitan2 seperti bekalan ayer, elektrik dan lain2 yang kebajikan itu akan dapat di-nikmati oleh penduduk2 daerah Temburong.

Setia Usaha Kerajaan itu juga menggesa penduduk2 daerah Temburong supaya memberi kerjasama mereka kepada kerajaan mengikut sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan.

"Kerjasama itu hendak-lah di-salurkan melalui saluran2 yang sehat seperti penghulu, ketua ka-npong dan orang2 bergelar."

Sambutan Maulud anjoran IKLAS

BANDAR BRUNEI. — Persatuan Ikatan Kampong Lurong Sikuna — IKLAS akan mengadakan sambutan Maulud Nabi pada hari Juma'at 29 Mei bertempat di-bangunan kedai sharikat persatuan itu mulai jam 2.30 petang.

Yang Di-Pertuan Majlis Belia2 Negeri Brunei, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Di-Raja Utama Awang Haji Mohd. Zain bin Haji Seruddin di-jadualkan akan berucap dalam majlis sambutan itu.

Orang ramai terutama penduduk2 di-kampong itu adalah di-persilakan hadir untuk menyaksikan sambutan tersebut.